

Universiti Selangor (UNISEL) merupakan Universiti swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kami menawarkan pelbagai program pengajian di Kampus Shah Alam dan Bestari Jaya. Sesuai dengan perkembangan yang pesat, kami mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut.

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN AKADEMIK UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)

JAWATAN : PENSYARAH (DS45)

Fakulti	: Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Shah Alam
Jabatan	: Pengurusan Perniagaan Dan Industri Sukan (JPPIS)
Status	: Lantikan Secara Kontrak (1 Tahun)

RINGKASAN JAWATAN

Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Kampus Shah Alam, Universiti Selangor ingin melantik Pensyarah (DS45) di bawah Jabatan Pengurusan Perniagaan dan Industri Sukan (JPPIS) bagi mengisi kekosongan jawatan dan keperluan yang terdapat di fakulti dengan kelayakan akademik seperti berikut:

SYARAT KELAYAKAN :

Pensyarah (DS45)

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur 23 tahun ke atas pada tarikh lantikan jawatan;
3. Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah atau Ijazah Sarjana (CGPA 3.0 ke atas) dalam bidang Pengurusan Sukan yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia daripada institusi-institusi pengajian tinggi atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
4. Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
5. Berpengetahuan dalam pengurusan sukan, pengurusan sistem kejohanan sukan dan mempunyai pendedahan kursus kejurulatihan merupakan satu kelebihan;
6. Mempunyai kemahiran Asas Komputer (Microsoft office), dan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS);
7. Mempunyai Sijil Sains Sukan Tahap 2, Sijil Kejurulatihan dan Sijil Pengadilan merupakan satu kelebihan.

TATACARA MEMOHON

- a) Calon yang berminat hendaklah mengemukakan Borang Permohonan beserta gambar berukuran pasport terkini, sijil-sijil yang telah disahkan dan *Curriculum Vitae (CV)* yang mengandungi maklumat berikut :
- i. Maklumat peribadi termasuk nombor kad pengenalan, keluarga, alamat surat menyurat, nombor telefon dan email untuk dihubungi;
 - ii. Maklumat pendidikan dan pengalaman kerja;
 - iii. Anugerah dan hadiah yang diterima di mana-mana peringkat termasuk di peringkat antarabangsa;
 - iv. Sumbangan-sumbangan kepada komuniti masyarakat / penduduk setempat / kariah dan sebagainya.
- b) Permohonan perlu dihantar ke alamat berikut :
- Pengarah Pentadbiran & Sumber Manusia**
Universiti Selangor, Jalan Timur Tambahan
Kampus Bestari Jaya
45600 Bestari Jaya ,Selangor
- Tel : 03-3280 5068 / 03-3280 5071
- c) Sila tulis nama jawatan dipohon di bahagian atas sebelah kanan sampul surat.
- d) Tarikh akhir penerimaan borang permohonan adalah pada atau sebelum **22 Mac 2024**.
- e) Lain-lain:
- i) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
 - ii) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan pada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
 - iii) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.